

Headline **Kayu tempatan lebih tahan**
Date **14 Jun 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **88 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,739**
PRValue **5,218**



Kayu tempatan lebih tahan

INSTITUT Kajian Perhutanan Malaysia (FRIM) mengesahkan bahawa kayu keras tempatan yang dijadikan lantai lebih tahan lama berbanding kayu import terutama oak.

Kajian dan penyelidikan oleh institut itu mengesahkan bahawa kayu seperti cengal, merbau, tembusu, keruing mempunyai ketahanan jauh lebih tinggi.

Kayu-kayu tempatan ini mempunyai daya tahan terhadap tekanan yang tinggi.

Jika dijadikan lantai ia tahan menampung apa juga bebanan yang diletakkan di atasnya termasuk pergerakan manusia, perabot dan sebagainya.

Ia juga tahan lasak dan tidak perlu terlalu berhati-hati. Malah jika berlaku kerosakan atau warnanya sudah pudar ia boleh dikilatkan semula hanya dengan menggunakan kertas pasir.



KHIR Johari Shafie dan Abdul Samad Tajudin menunjukkan lantai kayu tembusu yang telah dipasang.